

**KENYATAAN TAWARAN KERJA UNDI SECARA DALAM TALIAN BAGI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT TERMISKIN TAHUNAN 2021**

Kontraktor Bumiputera Tempatan (Daerah Jempol) yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dengan Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih berkuatkuasa tempoh pendaftarannya adalah dipelawa untuk menyertai Undian seperti berikut :

BIL.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KELAYAKAN	TARIKH DAN WAKTU PENDAFTARAN	TARIKH DAN WAKTU CABUTAN UNDIAN	TEMPOH PENYIAPAN PROJEK
1	<p>CADANGAN KERJA BINA BAHARU SEBANYAK 5 BUAH RUMAH PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT TERMISKIN (PPRT) DAERAH JEMPOL, NEGERI SEMBILAN</p> <p>PAKEJ SATU (1) KONTRAKTOR UNTUK SATU (1) BUAH RUMAH</p> <p>No. Undian: GMPPR/533/JEMPOL/01 GMPPR/533/JEMPOL/02 GMPPR/533/JEMPOL/03 GMPPR/533/JEMPOL/04 GMPPR/533/JEMPOL/05</p>	<p>Berdaftar dengan :</p> <p>i) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)</p> <p>- Gred : G1 - Kategori : SALAH SATU YANG BERKAITAN</p> <p>i- (B) PEMBINAAN BANGUNAN ii- (CE) PEMBINAAN KEJURUTERAAN AWAM iii- (ME) MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL</p> <p>ii) Bahagian Pembangunan Kontraktor &amp; Usahawan (BPKU) - Sijil Taraf Bumiputra (STB)</p> <p>iii) Berdaftar di Daerah JEMPOL</p> <p>iv) Keutamaan Diberi Kepada Kontraktor Yang Telah Menghadiri Kursus Pendedahan Asas Kontraktor PPRT KPLB. **Bagi yang tidak mengikuti Kursus ini sila lampirkan Bank Statement Syarikat yang terkini dan salinan Surat Tawaran atau indent kerja Projek PPRT yang pernah dilaksanakan.</p>	<p>Tarikh &amp; Waktu :</p> <p>30 Mei 2021 (Ahad) jam 12.00 Tghari</p> <p>sehingga</p> <p>31 Mei 2021 (Isnin) jam 12.00 Tghari</p> <p>Pendaftaran hendaklah dibuat secara dalam talian. Pautan bagi Borang Pendaftaran akan disiarkan di Laman Sesawang GIATMARA di alamat <a href="http://www.giatmara.edu.my">www.giatmara.edu.my</a> bermula pada tarikh dan masa yang dinyatakan di atas sahaja.</p>	<p>Tarikh :</p> <p>01 Jun 2021 (Selasa)</p> <p>Waktu :</p> <p>11.00 pagi</p> <p>Cabutan akan dibuat secara Live Feed melalui aplikasi Google Meet.</p>	<p>Dua (2) Bulan untuk Bina Baharu</p>

**SYARAT-SYARAT MENYERTAI KERJA UNDI**

- Kontraktor (Pemilik Syarikat yang dinamakan) diwajibkan memuatnaik dokumen seperti berikut semasa pendaftaran secara dalam talian :
  - Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
  - Sijil Perakuan Pendaftaran oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB); dan
  - Sijil Taraf Bumiputera oleh Bahagian Pembangunan Kontraktor & Usahawan (BPKU).
  - Sijil/Surat Perakuan Kursus Pendedahan Asas Kontraktor PPRT oleh KPLB
- Hanya syarikat yang memenuhi syarat yang ditetapkan sahaja akan dihubungi bagi pelaksanaan kerja undi secara dalam talian.